

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 FEBRUARI 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 5

### 5G: Isu DNB, SWN selesai Mac ini

## 5G: Isu DNB, SWN selesai Mac ini

KKMM dan MOF akan bentang Memorandum Jemaah Menteri untuk dapatkan pandangan

Oleh TUAN BUQHAIRAH  
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

**S**tatus Digital Nasional Berhad (DNB) dan isu pemilihan rangkaian borong tunggal (SWN) dalam pelaksanaan perkhidmatan 5G yang menjadi polemik akan diselesaikan awal Mac nanti.

Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Tan Sri Annuar Musa berkata, pihaknya bersama Kementerian Kewangan (MOF) akan membentangkan Memorandum Jemaah Menteri. "Kedua-dua kementerian telah menyiapkan semalam (Khamis) dan draf Memorandum

Jemaah Menteri akan diedarkan kepada beberapa kementerian yang terkait untuk mendapatkan pandangan," katanya selepas majlis apresiasi Operasi Bantu Hingga Selesai (Ops BAHIS) di kementeriannya pada Jumaat.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai perkembangan kemelut isu berkenaan.

Menurut Annuar, tempoh dua minggu dianggarkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) untuk mendapatkan pandangan tersebut.

"Selepas itu, pada awal Mac iaitu 3 atau 4 Mac nanti, kita akan bentangkan untuk jemaah menteri buat keputusan," katanya.

Beliau berkata, sekiranya itu tersebut tidak diselesaikan segera, ia akan menjelaskan pelaksanaan perkhidmatan 5G negara yang merupakan kunci utama kepada program Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan pelaksanaan MyDIGITAL.

Pada Disember lalu, Timbalan Menteri KKMM, Datuk



Annuar bergambar bersama wakil agensi yang menerima sijil penghargaan pada majlis apresiasi Ops BAHIS di Putrajaya pada Jumaat.

Zahidi Zainul Abidin pada sidang Dewan Rakyat memaklumkan pelantikan DNB sebagai pelaksana tunggal 5G di Malaysia di-putuskan MOF adalah tanpa berbincang dengan kementerian itu.

Bagaimanapun Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dilaporkan berkata, pemilihan model SWN dalam pelaksana-

an 5G di Malaysia, sudah dibincangkan antara MOF dan KKMM di kabinet sejak 2019.

Dalam perkembangan lain, Annuar berkata, pihaknya berpuas hati dengan gerak kerja projek Pelan Jahnah Digital Negara (Jendela).

"Setakat ini, kita berpuasa hati dengan roll-out Jendela yang mengikut jadual malah sedikit

mendahului jadual," katanya.

Ujarnya, projek pembekalan, kerja serta perkhidmatan penyediaan dan penyelenggaraan Titik Kehadiran (PoP) turut berada pada tahap yang baik.

"Kita sasarkan sembilan juta premis, namun sekarang mencapai tujuh juta dan pada tahun 2023, kita akan dapat capai sehingga 100 peratus," kata beliau.